

**Pemimpin Pas perlu konsisten, tidak pilih isu  
Utusan Online  
November 05, 2011**

BACHOK 4 Nov. - Pemimpin Pas perlu konsisten dan tidak memilih isu dalam menyatakan pendirian mereka sehingga dilihat membelakangkan perjuangan parti itu yang kononnya menegakkan Islam sebagai 'Ad-din.'

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin (**gambar**) berkata, beliau menyambut baik bantahan pemimpin Pas termasuk dari Kelantan berhubung penganjuran program Seksualiti Merdeka yang mahu mempromosi seks bebas.

Namun, katanya, apa yang menjadi persoalan ialah sikap pemimpin Pas yang dahulunya sanggup bersekongkol dengan individu tertentu yang dikatakan terlibat dalam penganjuran program berkenaan.

"Pendirian untuk menentang amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam perlu teguh dan membelakangi kepentingan politik termasuk tidak bersekongkol dengan mereka dalam penganjuran aktiviti lain sebagaimana penyertaan pemimpin pembangkang dalam perhimpunan haram Bersih di Kuala Lumpur dahulu.

"Saya menyambut baik kalau pemimpin negeri di Kelantan termasuk Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menentanginya secara jelas. Cuma saya harap pendirian mestilah konsisten dan jangan memilih isu untuk ditentang," katanya dekat sini hari ini.

Sementara itu Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, kerajaan tidak boleh lagi bertolak ansur dengan kumpulan yang cuba menganjurkan program mempromosi seks bebas, Seksualiti Merdeka 2011.

Katanya, jika kerajaan terlalu lembut dan tidak mengambil sebarang tindakan, budaya yang menghalalkan hubungan sejenis itu akan terus berkembang sehingga mengancam nilai dan budaya masyarakat majmuk di negara ini.

"Tindakan pihak tidak bertanggungjawab itu sebenarnya cuba merosakkan keharmonian yang wujud di negara ini dengan memperkenalkan budaya Barat dan mereka ingin melihat masyarakat khususnya umat Islam hancur.

"Sudah terlalu banyak program yang merosakkan rakyat dan generasi akan datang cuba dibawa masuk ke negara ini dan sekiranya kerajaan masih berdiam diri, mereka akan terus bertindak di luar batasan manusia," katanya hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1105&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_08.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1105&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm)